

25/06/2001

Mansuh bayaran balik pinjaman wajar: MBM

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Belia Malaysia (MBM) menyifatkan pemansuhan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama atau setaraf sebagai wajar.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Po'ad Jelani, berkata pemansuhan bayaran balik itu satu cabaran kepada pelajar melipatgandakan usaha mencapai kejayaan dalam pelajaran, sejajar dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri sering menekankan ilmu pengetahuan, justeru pemansuhan ini peluang yang perlu digapai pelajar Melayu khususnya," katanya.

Semalam, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata penukaran pinjaman pendidikan kepada biasiswa bagi pelajar yang berjaya mendapat ijazah kelas pertama itu akan dilaksanakan mulai tahun ini.

Bagaimanapun, caj perkhidmatan empat peratus yang dikenakan oleh PTPTN akan dikekalkan.

Musa berkata, PTPTN mengenakan caj perkhidmatan empat peratus untuk membiayai kos pengurusan yang sebenarnya melebihi kadar yang dikenakan kepada peminjamnya.

Langkah itu bertujuan mendidik pelajar menghargai nilai pendidikan yang diberikan apabila mereka perlu membiayai sendiri pengajian masing-masing.

Jumlah wang pinjaman yang dikeluarkan oleh PTPTN meningkat daripada RM600 juta pada peringkat permulaan penubuhannya dua tahun lalu kepada RM3.8 bilion tahun ini.

Bilangan pelajar diploma dan ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang menikmati kemudahan itu kini meningkat kepada kira-kira 233,000 orang.

PTPTN dijangka memerlukan RM13 bilion untuk menampung kira-kira 660,000 pelajar menjelang 2005.

Pada masa sama, MBM juga menyatakan kerisauannya mengenai peratusan pencapaian rendah pelajar Melayu yang mendapat keputusan ijazah kelas pertama berbanding bukan Melayu.

"Sekiranya peluang yang diberikan kerajaan itu tidak disambut pelajar Melayu, maka mereka akan rugi dan terpaksa membayar semula pinjaman yang diterima.

(END)